**ETIQA GENERAL TAKAFUL BHD: <u>DETAILS OF THE MAJOR CHANGES TO TAKAFUL CERTIFICATE CONTRACT</u>**

Please take note that the amended clauses below are only applicable if there are similar clauses as below in your takaful certificate document, whilst the new Sanction Limitation and Exclusion Clause will be applicable to all certificates. All other provisions, conditions and benefits of your takaful certificate document will remain unchanged. / *Sila ambil perhatian bahawa klausa-klausa yang telah dipinda seperti di bawah hanya digunapakai sekiranya terdapat klausa-klausa yang serupa dalam dokumen sijil takaful anda, sementara Klausa Pengecualian dan Had Sekatan akan digunapakai oleh semua sijil. Semua peruntukan, syarat-syarat dan manfaat-manfaat lain dalam dokumen sijil takaful anda akan kekal sama.*

| No | Amended Clauses | *Pindaan Klausa-klausa* |
|---|---|---|
| 1 | **Duty of disclosure before this takaful is granted**<br>i) Where You have applied for this takaful wholly for purposes unrelated to Your trade, business or profession, You had a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the question in the Application Form (or when You applied for this takaful) i.e. You should have answered fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of Your contract of takaful, refusal or reduction of Your claim(s), change of terms or termination of Your contract of takaful in accordance with the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013. You were also required to disclose any other matter that You know to be relevant to Our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.<br>ii) If You do not fully and faithfully provide this information, the takaful may not be valid or the Certificate may not cover You fully.<br><br>**Duty of disclosure during this takaful**<br>You are required to inform Us immediately if at any time after this contract of takaful or any other Certificates effected on or by You has been entered into, varied or renewed with Us on any information given in the Application Form (or when You applied for this takaful or other certificate is inaccurate or has changed including but not limited to any changes in Your occupation, work duties, sporting activities, or any relevant information that may increase the risk including any disease, physical or mental defect or infirmity. We may:<br>i) require You to pay an additional Contribution for the increase risk;<br>ii) make changes to the terms and conditions of this Certificate; or<br>iii) leave the Certificate terms, conditions and Contribution unaltered.<br><br>You will only be covered for any increased risk if agreed in writing by Us. | ***Kewajipan pendedahan sebelum takaful ini diberikan***<br>*i) Apabila Anda telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab soalan-soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Anda, keengganan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda selaras dengan remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.*<br>*ii) Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejujurnya, takaful ini mungkin tidak sah atau Sijil mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.*<br><br>***Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh takaful ini***<br>*Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful ini atau mana-mana Sijil lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini atau Sijil lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugasan kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:*<br>*i) meminta Anda membayar Sumbangan tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;*<br>*ii) membuat perubahan kepada terma dan syarat Sijil ini; atau*<br>*iii) membiarkan terma, syarat dan Sumbangan Sijil seadanya tanpa diubah.* |

| No | Amended Clauses | *Pindaan Klausa-klausa* |
|---|---|---|
| | | *Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.* |
| 2 | **Termination of Certificate**<br><br>**Termination by Us**<br>We may give notice of termination hereof (provided it is necessary, reasonable and justifiable) by registered post to You at Your last known address or by electronic mail. Such termination shall become effective after thirty (30) days following the date of such notice. We will refund the Contribution for the unexpired portion of the Period of Takaful on pro-rated basis provided no claim has been submitted to Us in relation to that Period of Takaful. | ***Penamatan Sijil***<br><br>***Penamatan oleh Kami***<br>Kami berhak untuk memberi notis penamatan (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat Anda yang terakhir atau melalui mel elektronik. Penamatan tersebut akan berkuatkuasa selepas tiga puluh (30) hari daripada tarikh notis. Kami akan membayar balik bahagian Sumbangan yang belum tamat Tempoh Takaful secara pro-rata dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukan kepada Kami dalam Tempoh Takaful tersebut. |
| 3 | **Legal Actions**<br>No action shall be brought to recover on this Certificate before the expiration of sixty (60) days after written Proof of Loss has been furnished in accordance with the requirements of this Certificate. No such action shall be brought more than three (3) years after the time written Proof of Loss is required to be furnished. | ***Tindakan Undang-undang***<br>*Tiada tindakan undang-undang boleh dibuat di bawah Sijil ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas Bukti Kerugian bertulis telah diberikan menurut keperluan Sijil ini. Tiada tindakan boleh diambil melebihi tiga (3) tahun selepas Bukti Kerugian bertulis diperlukan untuk dikemukakan.* |
| 4 | **Alteration and Changes**<br>We reserve the right to renew, cancel or amend the terms and provisions of this Certificate (provided it is necessary, reasonable and justifiable) by giving thirty (30) days prior notice in writing by ordinary post to Your last known address or electronic mail in Our records, and such amendment will be applicable from the next renewal of this Certificate.<br><br>No alteration to this Certificate shall be valid unless authorised by Us and such approval is endorsed thereon. | ***Perubahan dan Pertukaran***<br>Kami mempunyai hak untuk memperbaharui, membatalkan atau mengubah terma-terma dan peruntukan di dalam Sijil ini (dengan syarat ianya adalah perlu, munasabah dan wajar) dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis awal bertulis secara pos biasa di alamat terakhir Anda atau mel elektronik di dalam rekod Kami, dan perubahan tersebut akan diguna pakai daripada pembaharuan seterusnya Sijil ini.<br><br>Tiada perubahan di dalam Sijil ini sah melainkan mendapat kebenaran daripada Kami dan kelulusan tersebut telah disahkan. |
| 5 | **Fraud**<br>If any claim is fraudulent or of any fraudulent means, including inflating or exaggerating of the claim or submission of forged or falsified documents, are used to obtain Benefits by You or anyone acting on Your behalf, all Benefits under this Certificate shall be forfeited. | ***Fraud / Penipuan***<br>*Sekiranya apa-apa tuntutan dibuat secara fraud/penipuan atau sebarang kaedah penipuan, termasuk menaikkan atau menambah tuntutan atau penyerahan dokumen palsu atau dipalsukan, yang digunakan untuk mendapatkan Manfaat oleh Anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda, semua Manfaat di bawah Sijil ini akan terlucut hak.* |
| 6 | **Nomination**<br>a) You may nominate an individual to receive Benefits payable upon the death of the Covered Person, either as an executor, or as a beneficiary under a conditional hibah by notifying Us in writing;<br>b) The nomination under 4(a) may be made:<br>i. at the time the Certificate is issued; or<br>ii. if the Certificate has already been issued, by notifying Us in writing or by submitting the | ***Penamaan***<br>*a) Anda boleh menamakan seorang individu untuk menerima Manfaat Sijil yang dibayar selepas kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada sebagai wasi, atau sebagai benefisiari di bawah hibah bersyarat dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis;*<br>*b) Penamaan di bawah 4(a) boleh dibuat:*<br>*i. Semasa Sijil Takaful dikeluarkan; atau* |

| No | Amended Clauses | *Pindaan Klausa-klausa* |
|---|---|---|
| | Certificate for an Endorsement of the nomination by Us.<br>c) You may specify the shares be paid to the Nominee(s). In the absence of such specified shares by You, We shall pay the Nominees in equal shares.<br>d) A nomination by the Participant for a Nominee to be a beneficiary under a conditional hibah, shall, regardless of any written law, have the effect of transferring ownership, and shall transfer ownership, of the Benefits payable to the Nominee upon the death of the Participant. Such Benefits so transferred shall not form part of the estate of the deceased Participant or be subject to his or her debt. | *ii. Sekiranya Sijil Takaful telah dikeluarkan, dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis atau dengan menghantar Sijil untuk Endorsemen penamaan oleh Kami.*<br>*c) Anda boleh menyatakan bahagian yang boleh dibayar kepada Penama. Sekiranya Anda tidak menyatakan bahagian tersebut, Kami akan membayar kepada Penama dalam bahagian yang sama rata.*<br>*d) Penamaan oleh Peserta untuk penama menjadi benefisiari di bawah syarat hibah bersyarat, walau dengan apa saja undang-undang bertulis, mempunyai hak untuk memindahkan hak milik, dan berdasarkan pindahan hak milik itu, Manfaat Sijil boleh dibayar kepada Penama selepas kematian Peserta. Manfaat sedemikian yang dipindahkan tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka Peserta yang meninggal itu atau tertakluk kepada hutangnya.* |
| 7 | **Right to Terminate due to Anti- Money Laundering and Counter Financing of Terrorism**<br>If We discover, or have justified suspicion, that this Certificate is exploited for money laundering activities or to finance Terrorism, We reserve the right to terminate this Certificate immediately. We shall deal with all Contributions paid and all Benefits or sums payable in respect of this Certificate in any manner which We deem appropriate, including but not limited to handling it over to the relevant authorities. | ***Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan***<br>*Jika Kami mengetahui atau mengesyaki bahawa Sijil ini dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membiayai Keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua Sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang dibayar berkenaan dengan Sijil ini melalui apa-apa cara yang Kami anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa berkaitan.* |
| 8 | **Changes in Taxation, Regulations and Legislation**<br>We may vary the terms of this Certificate as We consider appropriate and equitable, if there are changes in taxation, regulations or legislation that affect this Certificate. We will notify You in writing three (3) months prior when terms in this Certificate need to be changed.<br><br>If any such tax applies, it shall be Your obligation to pay such chargeable tax (where applicable).<br><br>In the event You do not pay such all value added tax, goods and services tax or any other tax of a similar nature, We may, but is not obliged to pay such tax on Your behalf, and You shall reimburse or indemnify Us for all of such tax upon demand by Us. | ***Perubahan dalam Percukaian, Peraturan dan Perundangan***<br>*Kami berhak mengubah terma-terma Sijil ini sebagaimana Kami fikirkan sesuai dan adil, sekiranya terdapat perubahan dalam percukaian, perundangan atau peraturan yang mempengaruhi Sijil ini. Kami akan memaklumkan kepada Anda dalam masa tiga (3) bulan sebelum Kami mengubah terma-terma di dalam Sijil ini.*<br><br>*Sekiranya apa-apa cukai sedemikian dikenakan, ia akan menjadi kewajipan Anda untuk membayar cukai tersebut (jika berkenaan).*<br><br>*Sekiranya Anda tidak membayar cukai nilai tambahan sedemikian, cukai barang dan perkhidmatan atau sebarang cukai lain yang serupa, Kami boleh, tetapi tidak diwajibkan untuk membayar cukai sedemikian bagi pihak Anda, dan Anda akan membayar balik atau menanggung rugi Kami untuk semua cukai tersebut apabila diminta oleh Kami.* |

| No | Amended Clauses | *Pindaan Klausa-klausa* |
|---|---|---|
| 9 | **Data Protection Obligations and Rights**<br>We shall be able to process Personal Data according to the Section 4 of the Personal Data Protection Act 2010. We shall be able to disclose Personal Data provided by You, as the context may require to:<br>a) Etiqa General Takaful Berhad, Etiqa General Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd or Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd;<br>b) Other entities within the Maybank Group;<br>c) Our authorised agents and service providers with whom we have contractual agreements for some of our functions, service and activities;<br>d) Other insurance companies or takaful operators and distribution partners (such as, banks, Islamic banks, insurance brokers, takaful brokers, reinsurance companies and retakaful operators;<br>e) Industry trade associations such as Life Insurance Association of Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) & Malaysian Takaful Association (MTA);<br>f) Our merchants and strategic partners;<br>g) Any parties authorised by You (from time to time); or<br>h) Enforcement regulatory and governmental agencies as permitted or required by law, authorised by any order of court or to meet obligations to regulatory authorities.<br><br>You will keep Us updated in respect of all such Personal Data as soon as is practicable.<br><br>We shall not be liable for any direct or indirect loss or damage due to any inaccuracy or incompleteness in the Personal Data provided to Us.<br><br>We may from time to time request that You provide other Personal Data required for the purposes of this Certificate.<br><br>Prior to providing Us with the Personal Data of a Covered Person, or another individual, You must inform that individual of Our privacy notice.<br><br>For detailed privacy notice on how We collect, use, process, protect and disclose Personal Data, please visit Our branches, contact Etiqa Oneline at 1300 13 8888, or refer to Our website at www.etiqa.com.my. | ***Tanggungjawab dan Hak Terhadap Perlindungan Data***<br>*Kami berhak untuk memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi yang telah diberikan oleh Anda sebagaimana yang dituntut berdasarkan konteks, kepada:*<br>*a) Etiqa General Takaful Berhad, Etiqa General Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd.;*<br>*b) Entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank;*<br>*c) Ejen-ejen dan penyedia perkhidmatan Kami yang diberi kuasa yang dengannya Kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti Kami;*<br>*d) Lain-lain syarikat insurans atau pengendali takaful dan wakil pengedar contohnya, bank, bank Islam, broker insurans, broker takaful, syarikat insurans semula dan pengendali takaful semula;*<br>*e) Pertubuhan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA);*<br>*f) Pedagang dan rakan kongsi strategik Kami;*<br>*g) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Anda (dari semasa ke semasa); atau*<br>*h) Penguatkuasaan peraturan dan agensi-agensi kerajaan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajiban kepada pihak berkuasa.*<br><br>*Anda perlu memastikan semua Data Peribadi dikemaskini kepada Kami pada kadar segera.*<br><br>*Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung terhadap Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.*<br><br>*Kami dari semasa ke semasa berhak untuk meminta Anda untuk memberikan Data Peribadi lain yang dikehendaki bagi tujuan Sijil ini.*<br><br>*Sebelum memberikan Kami Data Peribadi Orang Yang Dilindungi, atau mana-mana individu, Anda hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.*<br><br>*Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi Anda, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Oneline di talian 1300 13 8888, atau rujuk ke laman web Kami di www.etiqa.com.my.* |

| No | Amended Clauses | *Pindaan Klausa-klausa* |
|---|---|---|
| **Sanction Limitation and Exclusion Clause (applicable to all certificates) / *Klausa Pengecualian dan Had Sekatan* (digunapakai oleh semua sijil)** | | |
| 10. | **Sanction Limitation Clause**<br>This Certificate shall not provide cover and We shall not be liable to pay any claim or provide any Benefit hereunder to the extent that the provision of such cover, payment of such claim or provision of such Benefit would expose Us to any sanction, prohibition or restriction under the United Nations resolutions or trade or economic sanctions, laws or regulations of the European Union, United Kingdom or United States of America. | ***Fasal Had Sekatan***<br>*Sijil ini tidak akan memberikan perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.* |